

**PENCAPAIAN GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN)  
PENTADBIRAN PERNIAGAAN UiTM KELANTAN DALAM  
PASARAN PEKERJAAN : GRADUAN 2000 DAN 2001**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**WAN HASNI WAN HASAN  
MARHAINI HASSAN  
ANIDZAN ARIFFIN**

**MAC 2007**

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya:

Dato' Professor Dr Hussin @ Mohamed Ab Rahman  
(Pengarah Kampus UiTM Cawangan Kelantan)

Prof Madya Hj Zulkarnain Yusoff  
(Timbalan Pengarah HEA, UiTM Kelantan)

Prof Madya Dr. Jusoh Yaacob  
(Koordinator URDC UiTM Cawangan Kelantan)

Staf Perpustakaan UiTM Cawangan Kelantan

Pembantu Penyelidik

Serta semua staf HEA  
UiTM Kelantan

Serta semua staf lain yang terlibat

## Isi Kandungan

Perkara	Muka Surat
Surat Tawaran Penyelidikan	
Surat Penyerahan Laporan	i
Daftar Ahli Penyelidik	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv - vii
Daftar Jadual	viii
Daftar Carta	x
Abstrak	xi

### **BAB 1 : PENGENALAN**

1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Pasaran Pekerjaan Dan Pengangguran Di Malaysia	3
1.3	Sejarah Penubuhan Dan Peranan Uitm	5
1.4	Uitm Kelantan Dan Fakulti Pengurusan Perniagaan	7
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Pernyataan Masalah	9
1.7	Skop Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batas Kajian	15

## ABSTRAK

Kaji selidik ini bertujuan untuk mengetahui pencapaian graduan-graduan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dan (Kewangan), UiTM Kelantan dalam pasaran pekerjaan, dengan mengumpulkan profil pekerjaan responden. Persoalan sering ditimbulkan sama ada graduan yang dihasilkan berdaya saing di pasaran pekerjaan, di mana para majikan sudah tidak lagi mengutamakan kelulusan akademik yang cemerlang semata-mata. Skop kajian ini melibatkan 6 kumpulan graduan bagi dua program tersebut yang menamatkan pengajian pada tahun 2000 dan 2001. Jumlah responden ialah 77 orang dan instrumen yang digunakan untuk mengumpul maklumat ialah borang soal selidik. Maklumat awal mengenai alamat responden diperolehi dari fail pelajar di HEA dan borang soal selidik dihantar kepada mereka. Dapatan kajian menunjukkan destinasi pertama bagi lebih 70% responden selepas tamat pengajian ialah memasuki pasaran pekerjaan dan majoriti melalui tempoh menunggu kurang dari 4 bulan untuk mendapat pekerjaan pertama. Lebih ramai yang bekerja di sektor swasta dan kebanyakannya tidak menyertai bidang pemasaran dan kewangan sepertimana kelulusan ijazah yang diperolehi. Majoriti responden juga menyatakan faktor utama yang mempercepatkan kejayaan mereka mendapat pekerjaan ialah keyakinan diri dan berfikiran positif. Manakala halangan diri yang utama dalam mendapatkan pekerjaan ialah keengganan mereka berhijrah dari tempat tinggal asal. Kajian juga mendapati tiada hubungan yang bererti di antara jantina dengan tempoh masa mendapat pekerjaan pertama. Keputusan juga menunjukkan tiada hubungan yang bererti di antara kelas kepujian ijazah yang diperolehi dengan tempoh masa mendapat pekerjaan pertama.

Kata kunci utama: graduan,UiTM, pekerjaan, ijazah

# **BAB 1 – PENGENALAN**

## **1.1 LATARBELAKANG KAJIAN**

Setiap graduan mempunyai pelbagai destinasi tujuan yang boleh dijadikan pilihan setelah menamatkan pengajian. Mereka mungkin memilih untuk memasuki pasaran pekerjaan sebaik sahaja mendapat ijazah atau ada juga sebahagian yang memilih untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi atau menambah pengetahuan ilmu kemahiran lain. Terdapat juga yang memilih untuk berehat seketika dan belum berhajat mencari pekerjaan. Namun begitu, kebanyakan graduan di negara ini kebiasaannya memilih untuk mencari pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian. Malah, adalah menjadi resmi bagi setiap individu yang melangkah kaki ke menara gading untuk mempunyai azam bagi mendapatkan pekerjaan yang baik setelah tamat pengajian nanti. Ini sebenarnya banyak dipengaruhi oleh pandangan masyarakat secara umumnya, bahawa segulung ijazah akan menjamin masa depan yang baik kerana ia mampu memberikan pekerjaan serta karier yang stabil. Pihak majikan juga percaya bahawa seorang pekerja yang mempunyai kelulusan akademik akan lebih memberi nilai kepada organisasi berbanding dengan pekerja tanpa sebarang kelulusan akademik.

Di Malaysia, sektor pendidikan tinggi telah berkembang dengan pesatnya semenjak 1990an. Dengan jumlah IPTS yang tumbuh bagai cendawan dan IPTA yang melebihi dari 10 buah, bilangan graduan yang memasuki pasaran buruh negara pada setiap tahun adalah semakin ramai. Sehingga kini, terdapat 17 buah insitituti pengajian awam yang berstatus universiti di Malaysia. Perangkaan dari Kementerian Pengajian Tinggi